

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

Tahun 5. BIL. 20.

BANDAR BRUNEI, RABU, 19 OCTOBER, 1960 (28 Rabiakhir, 1380)

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PERCHUMA

Persiapan Pilehan Raya Majlis2 Meshuarat Daerah:

RANG UNDANG2 KEBANGSAAN SIAP DI-GUBAL

BANDAR BRUNEI—Rang Undang2 Kebangsaan Brunei yang telah di-janjikan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam perlumbaan bertulis Negeri Brunei telah siap rang-nya untuk di-bentangkan dan di-luluskan dalam Majlis Meshuarat Negeri yang akan datang. Rang itu telah di-gubal oleh suatu jawatan kuasa khas.

Dengan lulus-nya rang itu kelak dapat-lah di-buktikan satu dari persiapan2 untuk mengadakan pilehan raya bagi ahli2 Majlis2 Meshuarat Daerah.

Ahli2 Majlis2 Meshuarat Daerah itu akan memilih enam belas orang antara mereka menduduki kerusi2 Majlis Meshuarat Negeri sa-bagai ahli2 yang dipilih.

Undang2 Kebangsaan itu di-gelar sa-bagai Undang2 Kebangsaan tahun 1960, dan akan berjalan kuatkuasa-nya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat dan di-umumkan dalam warta kerajaan.

Apabila berjalan kuatkuasa undang2 itu sa-orang ra'ayat Sultan akan mempunyai taraf Kebangsaan Brunei.

Pada dan sa-lepas hari yang

di-tetapkan pendudok2 Negeri Brunei boleh memperolehi taraf kera'ayatan dengan tiga chara ia-itu:

- (a) perjalanan undang2,
- (b) pendaftaran dan
- (c) menukar taraf kebangsaan.

Tetapi orang2 yang di-peranakkan dalam Negeri Brunei yang biasa-nya di-terima sebagai sa-orang ahli salah satu puak orang jati ia-itu Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong akan menjadi ra'ayat Sultan dengan perjalanan undang2.

KELAYAKAN2

Kelayakan2 menjadi ra'ayat mengikut perjalanan undang2 akan di-kenakan kapada semua ra'ayat Brunei saperti yang dimaksudkan dalam perlumbaan dan terbuka kapada orang2 yang bukan Brunei yang di-peranakkan dalam negeri dan kedua2 ibu bapa-nya di-peranakan dalam Brunei.

Kelayakan2 kerana kebangsaan sa-chara daftaran ia-lah dengan pemohon itu telah di-peranakkan dalam negeri dan tinggal dalam negeri sa-lama 12 tahun dari masa 15 tahun yang lepas.

Kelayakan2 kerana menukar taraf kebangsaan ia-lah bagi orang2 yang tinggal dalam negeri sa-lama 20 tahun dari masa 25 tahun yang lepas.

Antara sharat2 bagi orang yang termasuk dalam golongan (b) dan (c) ialah:

- (i) tinggal terus menerus sa-lama dua tahun dalam negeri pada tarikh membuat permohonan hendak menjadi ra'ayat,
- (ii) satu pepercayaan bahasa,
- (iii) satu sijil yang menunjukkan kelakuan baik, dan
- (iv) mengangkat sumpah ta'at setia kepada Sultan.

PERMOHONAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI

BANDAR BRUNEI.—Orang2 Islam di-Negeri Brunei yang hendak menunaikan fardhu haji pada tahun hadapan ada-lah diminta mendaftarkan nama mereka di-Pejabat Ugama, Brunei tidak lewat dari 1 November, 1960.

Borang2 permohonan kerana menunaikan fardhu haji itu boleh-lah di-dapat dari Pejabat Ugama, Brunei atau di-Pejabat2 Pegawai Daerah dan kadhi2 di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong.

Pegawai2 Kerajaan Brunei yang berhajat hendak menunaikan fardhu haji atas perbelanjaan kerajaan ada-lah di-minta membuat perhubungan dari sekarang dengan Setia Usaha Kerajaan Brunei.

PERTANIAN DENGAN MENGGUNAKAN JENTERA

LAMUNIN — Usaha menyediakan tanah untuk pertanian dengan menggunakan tajak jentera telah di-saksikan oleh beberapa orang penghulu dan ketua-kampong yang telah datang ke kampong ini dalam minggu lepas.

Mereka itu telah menyaksikan sa-orang petani, Inche Abang bin Haji Rahman menyediakan sawah-nya dengan jentera yang dinamik dengan nama Kubota.

Inche Abang baharu sahaja membeli tajak jentera itu tetapi dalam sidikit masa sahaja ia telah dapat menyediakan beberapa ekar sawah untuk di-tanami.

"Saya sekarang hanya memunggu masa untuk mengubah semaihan," kata Inche Abang.

Jentera tajak jenis Kubota yang di-pakai oleh Inche Abang itu ia-lah jenis besar. Jentera itu boleh membuat semua kerja yang bersangkutan dengan menyediakan tanah untuk pertanian.

Satu dari keistimewaan jentera itu ia-lah kelengkapan

pump ayer-nya. Pump itu boleh di-gunakan untuk membanjiri sawah bila2 kekurangan air.

Jentera Kubota itu telah dimasukan ka-negeri ini dengan persetujuan Pejabat Pertanian Negeri Brunei.

Pejabat itu berchadang hendak membeli beberapa buah untuk di-sewakan kepada petani2 di-seluruh negeri kelak.

Bergabong dengan P. G. Sadunia

BANDAR BRUNEI — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah di-terima bergabong dengan Persatuan Guru2 sa-Dunia dalam sidang "guru2 antara bangsa" yang berlangsung di-Amsterdam pada bulan August yang lalu.

Permohonan untuk masuk bergabong dengan Persatuan Guru2 Antara Bangsa itu telah di-ajukan dalam bulan July lepas.



Inche Abang, berdiri di-tengah, memerhatikan ayer sedang di-pump oleh tajak jentera "kubota".

DARJAH-DARJAH BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI — Darjah2 bahasa Melayu untuk pegawai kerajaan yang bukan Melayu akan di-adakan di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait sadikit hari lagi.

Darjah2 itu akan di-adakan di-bawah kelolaan Jabatan Pelajaran Negeri Brunei dan penuntut2 yang berjaya dalam peperiksaan akhir akan di-beri sijil.

Tujuan mengadakan darjah tersebut ia-lah untuk memberi perluhan kepada pegawai2 kerajaan yang bukan Melayu mempelajari bahasa Melayu.

Menurut keterangan Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang

Berhormat Inche Idris bin Babji, Kerajaan mungkin mengadakan pada masa hadapan darjah2 bahasa Melayu terbuka kepada orang ramai bukan Melayu yang bukan berkhidmat dengan Kerajaan.

TAMBANG KAPAL HAJI DARI SINGAPURA KA-JEDDAH

BANDAR BRUNEI. — Tuan Pegawai Penguasa Haji di-Perserkutuan Tanah Melayu, telah membuat "surat perkelinginan" yang menyatakan dari tahun 1961 banyak perubahan berkenaan dengan tambang2 dan tempat di-dalam kapal haji telah di-ubah dan tidak-lah seperti yang sudah2.

Mulai dari tahun 1961 juga akan di-sediakan "kelas khas" yang tidak lagi menggunakan deck. Dengan ini juga penumpang2 kelas dua dan deck pada tahun hadapan di-tiadakan.

Kelas2 ini akan di-gantikan dengan Saloon "A", Saloon "B" dan Tourist.

Saloon A ada mempunyai 178 bilek siap dengan tempat mandi dan di-sediakan hawa dingin sekali.

Saloon B pula, hanya mempunyai 47 bilek sahaja dan tidak di-sediakan bilek mandi dan hawa dingin.

Bayaran tambang2 tersebut

ada-lah seperti berikut.
Saloon A \$825.00, Saloon B \$750.00 dan kelas Tourist \$590.00.



Empat orang pelajar2 dari Negeri Brunei kelihatan memperdengarkan Lagu Kebangsaan Brunei di-majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M. Sultan Brunei di-Kaherah pada bulan September yang lalu.

PENDAFTARAN SA-MULA

BANDAR BRUNEI. — Undang2 Kebangsaan itu mensharatkan bahawa sa-orang yang telah menyerahkan atau telah di-ambil balek taraf-nya sa-bagai ra'ayat Sultan atau ra'ayat United Kingdom dan Tanah2 Jajahan tidak akan berhak di-daftarkan sa-bagai sa-orang ra'ayat Sultan kecuali dengan kebenaran Sultan.

Orang2 yang belum chukup umor boleh di-daftarkan sa-bagai ra'ayat.

Fasal 6 berbunyi:

Sultan boleh menyebabkan supaya kanak2 dari mana2 ra'ayat Sultan yang belum chukop umor di-daftarkan sa-bagai sa-orang ra'ayat Sultan apabila permohonan telah di-buat oleh ibu-bapa atau penjaga kanak2 itu sachara yang di-tentukan.

Sultan boleh, dalam keadaan2 khas yang di-fikirkan-nya patut, menyebabkan supaya man a 2 orang yang belum chukop umor di-daftarkan sa-bagai sa-orang ra'ayat Sultan.

Bagi maksud2 bab ini "ibu-bapa" berhubung dengan sa-

Pendaftaran penuntut2 yang hendak belajar di-darjah2 tersebut telah di-mulai di-Bandar Brunei bertempat di-Sultan Omar Ali Saifuddin College pada petang hari Ithnin yang lalu.

Penuntut2 di-Seria pula telah mendaftarkan nama masing2 di-Anthony Abell College pada petang kelemarin.

Pegawai2 kerajaan yang bukan Melayu di-Kuala Belait yang hendak belajar di-darjah tersebut, boleh-lah mendaftarkan nama mereka di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin mulai pukul 4 petang hari ini.

Pengajaran darjah2 bahasa Melayu itu akan mengambil masa sa-lama 18 bulan.

Dalam masa 12 bulan akan di-adakan pelajaran dengan tulisan rumi dan sa-lepas itu akan di-adakan tulisan jawi pula.

HADIAH BUKU KARANGAN SULTAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menghadiahkan 768 buku kapada Jabatan Pelajaran untuk bachaan murid2 sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei.

Kenyataan tersebut telah di-terangkan oleh Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babji.

Beliau berkata bahawa buku2 itu Sha'er Nasihat dan Sha'er Rajang Jenaka telah di-karang oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri.

Sa-banyak 384 naskah Sha'er Nasihat dan 381 naskah Sha'er Rajang Jenaka telah di-sampaikan oleh Pejabat Pelajaran kepada 53 buah sekolah2 Melayu melalui guru2 besar masing2.

Raayat dengan perjalanan undang2

BANDAR BRUNEI. — Fasal 4 dalam rang Undang2 Kebangsaan Negeri Brunei menetapkan bahawa ahli2 puak Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong ada-lah ra'ayat Sultan dengan perjalanan undang2.

Tetapi orang2 yang berikut ada-lah juga ra'ayat Sultan dengan perjalanan undang2 jika bapa-nya :

(i) telah di-peranakkan di-negeri dan, pada masa kelahiran orang tersebut, ada-lah mengikut sharat2 dari Undang2 ini, atau jika sekira-nya sharat2 dari Undang2 ini telah pun berjalan kuat kuasa-nya, akan menjadi sa-orang ra'ayat Sultan atau

(ii) ada-lah, pada masa orang tersebut sa-orang ra'ayat Sultan se secara pendaftaran di-bawah bab 5, 6 atau cheraian (4) dari bab 9 atau se secara menukar taraf Kebangsaan di-bawah bab 8;

(c) Mana2 orang yang di-peranakkan dalam negeri pada atau sa-lepas hari yang di-tetapkan yang bapa-nya, masa kelahiran orang tersebut, sa-orang ra'ayat Sultan.

KURSUS TARIAN KEBUGDAYAAN

BANDAR BRUNEI. — Tuan Rickey Holden, sa-orang guru tarian2 kebudayaan Amerika telah melawat ka-Brunei sa-lama dua minggu baru2 ini.

Beliau telah mengadakan kursus latihan tarian2 berchorak kebudayaan Amerika sa-lama sa-minggu di-Bandar Brunei dan sa-minggu di-Daerah Kuala Belait.

Dalam masa tersebut beratus2 orang kanak2 sekolah serta juga berpuluhan2 orang penuntut dari Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah menghadiri kursus tarian2 itu.

MATI DI-JALAN RAYA

SERIA. — Tuan Chan Fatt, berumur 71 tahun telah mati dalam satu kemalangan di-jalan raya baru2 ini.

Beliau sedang menunggang baisikalnya di-penjuru Jalan Satu dan Jalan Raja Isteri pada masa kejadian itu berlaku.

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN D.Y.M.M. DI-KAHERAH

KAHERAH — Sa-bagai menunjukkan kaseh sayang dan ta'at setia kepada raja dan tanah ayer merdeka, Penuntut2 Brunei di-sini telah merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada 25 September yang lalu bertempat di-13, Sharei Sharif Pasha.

Sambutan Hari Dergahayu Duli Yang Maha Mulia itu telah dirayakan dengan Majlis Jamuan Teh yang di-hadiri oleh penuntut2 dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Siam, Indonesia, Pelipina, Timor Tengah dan beberapa orang pegawai kedutaan Persekutuan Tanah Melaya di-Mesir.

Sunggoh pun perayaan itu diadakan sa-chara rengkas tetapi chukup memberi pengertian sa-

ling mengerti antara satu dengan lain.

Dalam majlis itu juga telah di-perdengarkan Lagu Kebangsaan Negara Brunei sa-lain uchapan2 dari penuntut2 Brunei dan para hadhirin yang keselurohan-nya mengenai Dergahayu Duli Yang Maha Mulia dan perhubungan muhibbah antara penuntut2 Brunei dengan pelajar2 yang lain.

Untuk mengabadikan, majlis

perayaan itu telah "di-rakamkan" dan rakaman itu telah pun di-kirim ka-Radio Brunei dan di-pancharkan baharu2 ini.

Gambar menunjukkan penuntut2 Brunei itu bersama2 dengan penuntut2 yang lain dan pegawai2 keduaan Persekutuan Tanah Melayu sa-telah selesai majlis sambutan tersebut.

BERTUTOR BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Mengikut cheraian (3) di-bawah fasil 4 dalam rang Undang2 Kebangsaan orang yang bukan ra'ayat Sultan tidak berhak di-dafarkan menjadi ra'ayat melainkan dia:

(a) memuaskan hati Sultan yang dia boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan *kechekapan* yang munasabah atau pun jika dia tidak dapat berbuat demikian di-sebabkan oleh kechatahan anggota atau bisu atau pekak;

(b) memuaskan hati Sultan iaitu berkelakuan baik;

(c) telah mengangkat sumpah dalam borang yang tertera dalam Jadual.

Ibu pejabat baharu persatuan Hakka

KUALA BELAIT. — Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pegawai Daerah Kuala Belait telah membuka dengan rasmi-nya ibu pejabat baharu Persatuan Kaum Hakka, Brunei.

Bangunan tersebut letak-nya diJalan McKerron, Kuala Belait.

Uchapan yang berharga telah di-lafazkan di-majlis itu oleh beberapa orang.

Antara mereka yang memberi uchapan ialah tuan Shim Yin Su, pengurus persatuan tersebut, Yang di-Muliakan Pehin Bendahari China Hong Kok Ting dan lain2-nya.

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Dato Setia Duli Pengiran Pemancha dan Yang Berhormat Dato Setia Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad telah melawat ka-Negeri Jepun baharu2 ini.

Melawat ka-luar negeri

MAJLIS PERBINCHANGAN RADIO BRUNEI

KUALA BELAIT. — Bahagian Melayu Radio Brunei, Kuala Belait akan mengadakan satu ranchangan baharu mulai pada hari Ahad 23 October ini.

Ranchangan baharu itu, "Dewan Fikiran", akan terbit pada tiap2 dua minggu sa-kali dengan mengambil masa sa-tengah jam pada tiap2 kali siaran-nya.

"Dewan Fikiran" itu akan merupakan sa-bagai majlis perbinchang mengenai perkara, dan soalan2 yang di-kemukakan oleh

pendengar2 radio tersebut.

Orang ramai ada-lah di-minta mengirimkan soalan2 kapada Penerbit, Dewan Fikiran, Bahagian Melayu, Radio Brunei, Kuala Belait.

Hadiiah sa-banyak \$10/- akan di-beri kapada soalan yang baik sa-kali pada tiap2 siaran Dewan Fikiran" itu.



SHARAT-SHARAT YANG BOLEH MELUCHUTKAN TARAF' RAAYAT

BANDAR BRUNEI. — Undang2 Kebangsaan itu menyatakan berbagai2 perkara yang boleh menyebabkan sa-orang ra'ayat itu luchut taraf kera'ayatan-nya.

Tetapi sa-orang ra'ayat itu tidak akan terluchut daripada menjadi ra'ayat Sultan jika apabila di-luchutkan taraf kera'ayatan-nya tidak akan mempunyai taraf kebangsaan lain.

Antara sharat2 yang boleh meluchutkan sa-orang ra'ayat dari menjadi ra'ayat ia-lah :

Meninggalkan negeri terus menerus sa-lama lima tahun dan tidak di-akui oleh Sultan mempunyai perhubungan yang nyata dengan negeri dalam masa itu, maka orang tersebut akan terluchut daripada menjadi sa-orang ra'ayat Sultan.

Sa-orang yang telah meninggalkan negeri sa-lama lima tahun tidak akan, kerana ketiadaan-nya sa-masa tersebut, terluchut dari menjadi sa-orang ra'ayat Sultan melainkan dan sa-hingga dia telah di-beritahu yang permohonan-nya itu telah di-tolak.

Dia dengan sukarela mengambil kebangsaan atau kera'ayatan man2 negeri di-luar Brunei sa-lain dari kera'ayatan United King-

dom dan Tanah2 Jajahan; atau sa-bagai sa-orang perempuan yang telah mengambil taraf tersebut dengan pendaftaran di-bawah cheraian (4) dari bab 5, dia oleh sebab perkahwinan-nya mengambil kebangsaan atau kera'ayatan suami-nya yang menjadi kebangsaan atau kera'ayatan di-mana2 negeri di-luar Brunei sa-lain dari kera'ayatan United Kingdom and Tanah2 Jajahan.

Membuat satu perishtiharan sa-chara yang di-tentukan menyerah taraf-nya sa-bagai ra'ayat Sultan.

Sa-orang ra'ayat Sultan akan terluchut daripada mempunyai taraf sa-demikian jika taraf itu di-ambil balek daripada-nya oleh satu perentah dari Sultan dalam Majlis Meshuarat yang di-buat di-bawah bab ini.



Satu pemandangan pada masa di-adakan pertunjukan pertanian dengan menggunakan jentera di-Lamunin baharu2 ini.

"Bidok lalu kiambang bertaut"

PENYATUAN BAHASA TETAP TERLAKSANA — HAMKA

Dalam mencari ilmu pengetahuan, Tuan Hamka hanya mengaji tentang agama Islam di-suru2 dan pada ayahnya sa-orang ulama yang terkenal pada masa itu, sa-lain mendalamkan pengajiannya di-Mekah sa-lama lebuh kurang sa-tahun.

GELARAN DOCTOR

Tetapi dari berumor 17 tahun beliau telah mngarang beberapa buah buku yang bernilai yang berunsorkan ugama, pendidekan, kebudayaan dan cherita2 n o v a l . Usaha-nya yang telah berjalan lebuh kurang sa-lama 40 tahun telah mendapat pengakuan sa-bagai sa-orang Doctor Philiseuf dari Al-Azhar University Mesir dengan sebab2 buku-nya yang bernilai itu antara-nya ia-lah Tasauf Modern dan Falsafah hidup. Gelaran Doctor itu telah di-sandang beliau sejak tahun 1958.

Tuan Hamka telah mengadakan cheramah-nya yang berkisar di-sakeliling kebudayaan, pendidekan, bahasa dan ugama pada murid2 sekolah, penuntut2, pegawai2 ugama dan guru2 di-Brunei, cheramah itu telah mendapat perhatian besar dari ra'ayat dalam negeri ini.

PENYATUAN BAHASA

Mengulas tentang penyatuhan bahasa, Tuan Hamka berkeyakinan bahwa penyatuhan bahasa itu tetap akan terlaksana di-kepulauan Melayu ini sebab Indonesia, Malaya, Singapura dan Kalimantan Utara ini berasal dari satu rumpun kebudayaan, bahasa dan ugama.

Beliau menguatkan keyakinan-nya dengan kata bidental Melayu: "Bidok lalu kiambang bertaut".

Berhubung dengan bahasa yang di-pakai di-Indonesia dan Kalimantan Utara memang banyak di-dapat persamaan-nya. Mithal-nya perkataan "chali" yang di-maksudkan dengan pengertian nakal oleh orang Melayu Brunei, di-Minangkabau pun demikian juga; bagitu juga perkataan "danganak" di-Brunei bersamaan dengan pengertian di-Minangkabau, yang bererti "saudara".

PERANAN PENTING

Dalam suatu majlis cheramah yang bertajukkan "Kebudayaan dan Bahasa" anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Tuan Hamka berkata bahawa kebudayaan ada-lah suatu unsur yang sangat2 mengambil peranan penting pada segala bangsa di-dunia ini sehingga tertuboh satu seksi kebudayaan sa-dunia di-Bangsaa2

Dr. Haji Abd. Malik Karim Amarullah atau lebuh dikenal dengan nama-nya Hamka, sa-orang pengarang dan ulama Indonesia yang terkenal telah tiba di-Brunei pada 3 October lepas atas jemputan Persekutuan Guru2 Melayu dan Persekutuan Kesatuan Islam Brunei kerana membuat chera-mah2 mengenai kebudayaan, pendidekan, bahasa dan ugama.

Tuan Hamka yang telah di-lahirkan 52 tahun dahulu di-Meninjau, Sungai Batang, Sumatera tidak pernah menjelang bangku sekolah tinggi, melainkan bersekolah Melayu sa-takat darjah dua sahaja.

Bersatu yang bernama UNESCO.

Tuan Hamka menegaskan bahawa sebab2 berlaku dua kali peperangan dunia dalam abad 20 ini kerana tiap2 bangsa itu tidak sesuai dan tidak mengetahui kebudayaan satu dengan lain.

MENGELAKKAN SENGKITA

"Tradisi tidak akan di-kenal oleh bangsa lain, melainkan dari bumi tempat tumbuhnya mengenalankannya", ujar beliau.

Maka sebab itu-lah, kata Tuan Hamka, pepatah mengatakan "Ta'kenal maka ta' chinta". Sebab itu untuk mengelakkan sengkita antara bangsa2 di-dunia ini kebudayaan harus di-kenal dari segi antara bangsa.

Tentang ini Tuan Hamka memberikan mithal-nya, waktu beliau berada di-Texas melawat salah sa-buah university di-sana. Pada masa hendak masuk ka-dalam university itu perempuan2 mesti di-dahulukan berjalan di-hadapan, lelaki di-belakang — menurut kebudayaan orang Amerika.

Tetapi waktu keluar dari university itu ia dahulu dari perempuan2 itu melanggar yang di-tetapkan oleh orang2 Amerika itu.

"Saya terpaksa di-tanya oleh orang Amerika itu mengapa

ngkap kebudayaan itu", ujar beliau.

• • • • •

Dr. Haji Abd. Malik Karim Amarullah atau lebuh dikenal dengan nama-nya Hamka, sa-orang pengarang dan ulama Indonesia yang terkenal telah tiba di-Brunei pada 3 October lepas atas jemputan Persekutuan Guru2 Melayu dan Persekutuan Kesatuan Islam Brunei kerana membuat chera-mah2 mengenai kebudayaan, pendidekan, bahasa dan ugama.

Tuan Hamka yang telah di-lahirkan 52 tahun dahulu di-Meninjau, Sungai Batang, Sumatera tidak pernah menjelang bangku sekolah tinggi, melainkan bersekolah Melayu sa-takat darjah dua sahaja.

• • • • •

saya melanggar kebudayaan itu", tegas Tuan Hamka.

"Saya jawab", kata Tuan Hamka, "Menurut kebudayaan kami lelaki memang di-suroh berjalan dahulu daripada perempuan, sebab lelaki itu menjaga kalau2 ada merbahaya, yang lelaki boleh mengelakkan merbahaya itu lebuh dahulu."

Tuan Hamka telah juga menggambarkan sadikit tentang kebudayaan orang China dan orang Barat memakai pakaian-nya waktu kematian: orang China pakai warna puteh, orang Barat pakai warna hitam.

"Ini, semua ada erti-nya yang patut kita pelajari", tegas beliau.

Menjelaskan istilah Kebudayaan, Tuan Hamka menegaskan bahawa kebudayaan itu adalah dari dua patah perkataan ia-itu "budi" dan "daya."

DARI DUA SENDI

"Dari dua sendi ini-lah tercipta kebudayaan. Apa bila budi telah sempurna, semua-nya boleh jalan; sa-balek-nya kalau manusia tidak berbudaya ia-lah jumlah manusia yang tidak berakal", tambah beliau lagi.

Menyambong penjelasan-nya, Tuan Hamka menegaskan lagi bahawa budaya mesti di-sesuaikan dengan Alam Keliling. Sebab segala sa-suatu-nya timbul dari kebudayaan.

"Kebudayaan berkait rapat dengan nature, barahu-lah le-

ngkap kebudayaan itu", ujar beliau.

Menerangkan ugama adalah kebudayaan saperti pendapat satengah2 orang, Tuan Hamka berkata bahawa pendapat saperti itu ada-lah salah.

"Ugama bukan kebudayaan. Ugama ia-lah wahu dari Allah dengan perantaraan Nabih2 dan Malaikat. Tetapi ugama boleh melengkapi kebudayaan, sedang kebudayaan ia-lah daya cipta manusia yang hidup. Ugama bukan kebudayaan tetapi ugama ada-lah mempengaruhi kebudayaan" beliau menegaskan.

Dalam uchapan-nya menge-nai falsafah hidup, Tuan Hamka telah menerangkan tu-juan hidup di-dunia ini ada empat perkara:

- ◆ Menchari apa yang benar,
- ◆ Menchari apa-kah yang baik,
- ◆ Menchari apa-kah yang indah, dan
- ◆ Menchari apa-kah yang m-chi atau yang kudus.

Menurut Tuan Hamka, untuk menchari yang benar, kita mesti tahu apa yang salah, kerana yang salah itu tidak akan ada sa-belum ada yang benar. Dan untuk menchari yang sa-lebuh dahulu mesti ada ilmu pengetahuan — itu-lah sebab-nya di-adakan sekolah", tegas beliau.

Menjelaskan yang baik pula, Tuan Hamka berkata bahawa yang baik itu ada dua. Baik ka atas dan baik ka-bawah — baik kapada Tuhan dan baik kapada manusia.

"Baik kapada Tuhan, kita mengerjakan sembahyang, puasa, zakat dan lain2 kewajipan terhadapnya.

"Kapada manusia, kita membaiki budi pecerti, berkaseh sa-yang dan bekerja sama, saling mengerti satu sama lain", ujar beliau lagi.

MENERANGKAN INDAH

Menerangkan perkara ketiga — Indah, Tuan Hamka ber-tanya, "Jika tuan2 melihat gunung2 yang di-liputi awan dan pohon2 yang hijau, jika tuan2 melihat awan yang berarak iring beriring, jika tuan2 melihat pondok di-tengah sawah yang menguning, atau jika tuan2 berdiri di-tepi pantai melihat ka-laut yang bertepi, perahu nelayan yang sayup2 — apa-kah perasaan tuan?"

Sa-lanjut-nya beliau bertanya, jika tuan melihat sa-kun-tum bunga yang sedang kembang, jika tuan melihat sa-orang gadis yang chantek atau jika tuan mendengar deboran ayer

(Bersambong di-muka 10)



Tuan Hamka sedang bercheramah di-dewan S.O.A.S. College dengan anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Kuasa Sultan menguatkuasakan maksud2 undang2

BANDAR BRUNEI — Di-bawah Undang2 Kebangsaan, Sultan dalam Majlis Meshuarat boleh dengan peratoran2 membuat sharat amnya kerana menguatkuasakan maksud2 Undang2 Kebangsaan khasnya.

(a) kerana menentukan sa-barang apa yang boleh di-tentukan di-bawah Undang2;

(b) kerana pendaftaran sa-barang apa yang di-kehendaki atau di-benarkan supaya di-daftarkan di-bawah undang2 ini;

(c) kerana menetapkan barang2 perisitiwaran, menjalankan pekerjaan dan mengangkat sumpah2, tempoh sa-masa mana sumpah2 tersebut hendak-lah di-angkat dan pendaftaran sumpah2 tersebut;

(d) kerana memberi sa-barang notis yang di-kehendaki atau di-benarkan supaya di-beri kepada mana2 orang di-bawah Undang2 ini;

LEMBAGA BAHASA

(e) bagi peratoran yang hendak di-ikuti oleh Lembaga Bahasa kerana menentukan kebolehan dari sa-barang orang bertutor bahasa Melayu dengan chekap dan munasabah atau oleh orang2 yang memohon pendaftaran atau sijil2 Kebangsaan di-bawah Undang2 ini, maka bukti yang di-kehendaki dari orang itu mengenai kelayakan kerana taraf menjadi sa-orang ra'ayat Sultan, termasok bukti boleh bertutor bahasa Melayu dengan chekap dan sesuai, dan bagi mengenakan kesalahan2 kerana berkehendakkan sa-barang pertimbangan bagi memberi sa-barang penyuksolan yang boleh di-kehendaki oleh sa-barang borang yang di-tentukan.

(f) kerana mengeluarkan salinan2 yang di-akui bagi surat2 yang di-buat, dan chabutan2 daripada daftar2 yang di-simpan, di-bawah Undang2 ini, kerana pembatalan dan pindaan kemasukan2 dalam sa-buah daftar dan bagi sijil2 serta salinan2 yang di-akui bagi kemasukan2 dalam sa-buah daftar dan bagi sijil2 yang disediakan di-bawah Undang2 ini dan berhubong dengan orang2 yang hilang taraf menjadi sa-orang ra'ayat Sultan di-bawah Undang2 ini, dan kerana menghendaki surat2 tersebut di-hantarkan bagi maksud2 itu;

PEMBERIAN SIJIL

(g) kerana meletak dan mendapatkan semula bayaran2 mengenai sa-barang permohonan yang di-buat di-bawah Undang2 ini atau mengenai sa-barang pendaftaran atau kerana membuat sa-barang perisitiwaran atau pemberian sa-barang sijil, atau mengangkat sa-barang sumpah, yang di-benarkan dibuat, di-beri atau di-angkat oleh atau di-bawah Undang2 ini, dan mengenai pemberian satu salinan yang di-akui atau lain2 salinan notis, sijil, pe-

rentah, perisitiwaran atau kemasukan yang di-beri, di-kurnia atau di-buat sa-bagaimana yang tersebut di atas; dan kerana mengenai sa-barang bayaran yang semakin;

BUKTI YANG JELAS

(h) kerana mengeluarkan sijil2 bawahwa sa-orang telah menunjukkan bukti yang jelas yang ia-nya ada-lah sa-orang ra'ayat Sultan dengan perjalanan undang2;

(i) kerana penyerahan sa-barang kuasa yang di-beri oleh Undang2 ini;

(j) kerana chara dan peratoran yang hendak di-turuti berhubong dengan sebutan2 di-bawah Undang2 ini kapada sa-buah jawatankuasa penyiasatan; dan, khasnya kerana memberi kapada mana2 jawatankuasa yang sedemikian sa-barang kuasa, hak atau kelebihan dari mana2 Mahkamah dan kerana membolehkan sa-barang kuasa yang di-berikan itu di-jalankan oleh sa-orang ahli atau lebeh dari jawatankuasa itu; dan

(k) kerana menetapkan hukuman2 terhadap kesalahan melanggar sa-barang sharat dari peratoran2 tersebut.

PENDAFTARAN SA-BAGAI RAAYAT

BANDAR BRUNEI — Di-bawah fasal 8 dalam Undang2 Kebangsaan ada di-sharatkan bawahwa sa-orang yang telah tinggal dalam negeri sa-lama 25 tahun berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan.

Dalam mengira masa 25 tahun itu tidak akan di-kira (a) masa2 ketidaan dalam negeri—

(i) kerana maksud2 meneruskan pelajaran di-negeri dan pada masa yang sedimikian, sa-bagai mana yang boleh dari sa-masa ka-sa-masa, sama ada pada 'amnya atau khasnya di-benarkan oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat bagi maksud2 bab ini; atau

KEWAJIPAN NEGERI

(ii) sa-masa menjalankan kewajipan negeri atau dalam perkhidmatan Baginda Queen manakala masa2 yang tersebut tidak betubuh dengan peninggalan yang mustahak dan dari itu tidak di-kira sa-bagai waktu2 tinggal; atau

(b) masa2 ketidaan dalam

negeri di-antara 1 hb. July 1941 dan 31 hb. December, 1946, dalam perkara sa-saorang yang telah tinggal dalam negeri sa-lama lima tahun sa-belum masa2 ketidaan tersebut; atau

(c) masa ketidaan di-negeri kerana sebab2 kesihatan atau sa-barang sebab yang lain yang di-tetapkan 'amnya atau khasnya oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat atau;

(d) masa sa-masa yang mana sa-orang itu tinggal di-negeri ini sa-chara haram; atau

(e) mana2 masa yang di-habiskan sa-bagai orang tahanan di-mana2 penjara atau sa-bagai sa-orang yang di-tahan menurut undang2 di-sa-barang tempat sa-lain dari di-sa-buah hospital gila menurut sharat2 sa-barang undang2 bertulis di-negeri ini;

(f) kechualan dengan persetujuan Sultan dalam Majlis Meshuarat, masa tiap2 sa-orang yang di-benarkan tinggal semestara dalam negeri di-bawah kuat kuasa mana2 pas atau surat kebenaran yang di-keluarkan mengikut Undang2 pertulis di-negeri ini.

MALAM KESENIAN MELAYU

BANDAR BRUNEI — Persembahan Malam Kesenian Melayu akan di-langsungkan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada malam 27 dan 28 October ini.

Terlebih dahulu jawatan kuasa persembahan tersebut telah membuat ketetapan hendak mempersembahkan temasha itu di-dewan Civic Centre pada malam 9 dan 10 September.

Oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka persembahan tersebut telah ditanggohkan kapada tarikh2 yang baharu itu.

Orang ramai yang telah membeli tiket untuk persembahan pada malam 9 September, bolehlah menggunakan-nya pada malam 27 October dan tiket untuk persembahan pada malam 10 September boleh-lah di-gunakan pada malam 28 October.

BANDAR BRUNEI — Dalam undang2 Kebangsaan itu sharat2 juga di-terangkan berkenaan dengan chara2 sa-orang ra'ayat boleh hilang taraf kera'ayatan-nya.

Antara sharat2 itu ia-lah meninggalkan negeri terus menerus sa-lama lima tahun dengan tidak mempunyai perhubungan yang nyata dengan negeri dalam masa itu.

Sharat2 juga di-terangkan dalam undang2 itu bagi Sultan da-

Ka-Kuala Lumpur



Inche Idris Babji

BANDAR BRUNEI — Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara, Brunei akan berangkat ka-Malaya dengan kapal terbang pada hari ini untuk menghadiri persidangan pengarah2 pelajaran, di-Tenggara Asia.

Persidangan itu akan di-adakan di-Kuala Lumpur mulai dari 24 October hingga 29 October.

Pada masa berada di-Kuala Lumpur, beliau akan menemui delapan orang yang telah di-pilih oleh kerajaan untuk berkhidmat sa-bagi guru2 bahasa Inggeris di-Brunei pada tahun 1963.

Banyak guru itu akan berliah di-Maktab Perguruan di-Malaya sa-lama dua tahun sa-belum mereka berkhidmat di-Brunei.

PERATORAN KESIHATAN

BANDAR BRUNEI — Satu peratoran kesihatan bagi orang2 yang hendak melawat ka-negeri Jerman Barat telah di-terangkan oleh Pegawai Perubatan Negara, baharu2 ini.

Peratoran itu ia-lah kerana hendak menjauhkan penyakit chachar dari berjangkit.

Mengikut peratoran Kerajaan Jerman Barat berkehendakkan orang2 yang pergi ka-Jerman Barat dengan kapal terbang mempunyai keterangan bawahwa mereka telah di-suntek dengan ubat chachar.

Orang2 yang tidak mempunyai keterangan dan tidak pula dapat memberi jaminan bawahwa mereka terkawal dari serangan penyakit chachar akan di-serahkan kapada pehak kesihatan untuk di-perhatikan.

Hilang taraf kebangsaan

lam meshuarat mengambil balek taraf sa-saorang sa-bagai ra'ayat Sultan.

Di-bawah undang2 itu Sultan tidak di-kehendaki memberi sa-barang sebab kerana memberi atau menolak sa-barang permohonan menjadi ra'ayat.

Keputusan baginda ada-lah mengikut pertimbangan-nya dan keputusan itu tidak boleh di-rayu atau di-kaji sa-mula di-mana2 mahkamah.

JADI RAAYAT DENGAN PERMOHONAN

BANDAR BRUNEI — Sa-orang penduduk Negeri Brunei yang telah chukup umur ia-itu berumur 18 tahun yang di-peranakan dalam negeri sa-belum hari atau sa-sudah hari yang di-tetapkan yang bukan-nya ra'ayat Sultan boleh menjadi ra'ayat Sultan dengan permohonan.

Sharat2 untuk menyokong permohonan itu ada-lah seperti berikut:

(a) dia telah dalam masa lima belas tahun sa-belum permohonan-nya untuk di-daftar telah tinggal dalam negeri berjumlah sa-lama tidak kurang dari dua belas tahun; dan

(b) telah tinggal dalam negeri terus menerus sa-lama dua tahun sa-belum tarikh permohonan-nya.

Dalam mengira masa lima belas tahun yang di-sebutkan dalam fasal (a) dari cheraian (1), maka tidak akan di-kira.

(a) masa2 ketiadaan dalam Negeri —

(i) kerana maksud2 meneruskan pelajaran di-negeri2 dan pada masa yang sa-demikian, sa-bagaimana yang boleh dari sa-masa ka-sa-masa sama ada, pada 'am-nya atau khas-nya di-benarkan oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat bagi maksud2 bab ini; atau

(ii) sa-masa menjalankan kewajipan negeri atau dalam perkhidmatan Baginda Queen, manakala masa2 yang tersebut tidak ber-

bah dengan peninggalan yang mustahak dan dari itu tidak di-kira sa-bagai waktu2 tinggal; atau

(b) masa2 ketiadaan dalam negeri di-antara 1 hari-bulan July, 1941 dan 31 hari-bulan December, 1946 dalam perkara sa-sa-orang yang telah tinggal dalam negeri sa-lama lima tahun sa-belum masa ketiadaan tersebut; atau

(c) masa ketiadaan di-negeri kerana sebab2 kesihatan atau sa-barang sebab yang lain yang di-

tetapkan 'am-nya atau khas-nya oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat; atau

(d) masa sa-masa yang mana sa-orang itu telah tinggal dalam negeri ini sa-chara haram; atau

(e) mana2 masa yang di-habisikan sa-bagai orang tahanan di-mana2 penjara atau sa-bagai sa-orang yang di-tahan menurut undang2 di-sa-barang tempat sa-lain dari di-sa-buah hospital gila di-bawah sharat2 dari sa-barang undang2 bertulis di-negeri ini;

(f) kechualui dengan persetujuan Sultan dalam Majlis Meshuarat, sa-barang masa yang tiap2 sa-orang yang di-benarkan tinggal sementara dalam negeri di-bawah kuat kuasa mana2 pas atau surat kebenaran yang di-keluar mengikut undang2 bertulis dalam negeri.

Denda kerana kenyataan falsu

BANDAR BRUNEI.—Orang2 yang hendak menjadi ra'ayat Sultan dengan pendaftaran itu akan di-kehendaki memberi keterangan mengikut peraturan yang di-tetapkan.

Fasal 16 dalam Undang2 Kebangsaan itu berbunyi:

"Sesiapa yang membuat sa-barang kenyataan yang butir2-nya di-ketahui-nya falsu, atau dengan bantuan tuli membuat sa-barang kenyataan yang butir2-nya itu falsu akan di-dapati salah."

Orang itu akan di-hukum pen-

jara sa-lama dua belas bulan atau denda sa-banyak \$2,000 atau kedua2-nya.

Sesiapa yang gagal memberi sa-barang keterangan yang di-ketahui-nya oleh peraturan2 yang di-buat di-bawah Undang2 Kebangsaan itu akan ber-salah juga.

Orang itu akan di-hukum denda tidak lebih dari \$2,000.

SIJIL MENUKAR TARAF KEBANGSAAN

BANDAR BRUNEI.—Sa-orang yang bukan ra'ayat Sultan sa-chara yang di-tentukan boleh di-beri sijil menukar taraf kebangsaan-nya jika ia memuaskan hati Sultan dengan sharat:

(a) telah dalam masa dua puluh lima tahun yang lepas tinggal dalam negeri sa-belum tarikh permohonan-nya telah ber-jumlah sa-lama tidak kurang dari dua puluh tahun; dan

(b) telah tinggal terus menerus dalam negeri sa-lama dua ta-hun sa-belum tarikh permohonan-nya dan;

(c) berkelakuan baik; dan

(d) tidak akan menjadi satu bebenan ka-atas negeri dan

(e) boleh bertutur bahasa Melayu dengan kechekapan yang munasabah atau pun jika dia tidak dapat berbuat demikian ia-nya ada-lah di-sebabkan oleh kechahatan anggota atau bisu atau pekak; dan

(f) telah membuat satu peristiwa bahawa dia berniat, jika sa-kira-nya satu sijil di-beri ka-pada-nya, untuk tinggal tetap di-negeri.

Mempelajari urusan rumah tangga di-Malaya



Dua orang wanita Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada 5 October ini untuk memasuki Teman Asuhan, ia-itu sekolah latihan urusan rumah tangga Lembaga Perusahaan dan Kemajuan Kampong (RIDA), Persekutuan Tanah Melayu.

Mereka ia-lah Dayangku Sri Alam binti Pengiran Ahmed, guru Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut dan Che Saleha binti Salim, guru Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria.

Pelajar2 urusan rumah tangga yang akan mereka pelajari termasuklah ke-bersih, kesihatan dan ekonomik.

Kursus itu tamat dalam masa tiga bulan.

Mereka di-jangka akan menghebahkan ilmu urusan rumah tangga yang di-dapat itu kelak kepada wanita2 Brunei dengan mengadakan kelas2 pelajaran di-sekolah2 apabila sahaja mereka balek ka-Brunei.

JAWATAN PEMANDI MAYAT

BANDAR BRUNEI.—Kerja kosong sa-bagai pandi mayat mengikut ferdhu kepayah ada-lah di-tawarkan oleh Pejabat Hal Ahwal Ugama Brunei kapada wanita2 tempatan untuk berkhidmat di-Bandar Brunei, Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Permohonan hendak-lah di-sampaikan kapada pejabat itu ti-dak lewat dari 4 November hadapan.

Wanita2 yang memohonkan kerja itu hendak-lah :—

Berumor kurang dari 45 tahun, mengetahui rukun2 ferdhu kepayah, bersedia di-pereksa dengan soalan mulut dan bersedia pergi ka-mana2 untuk menjalankan tu-gas.

KERJA KOSONG

BANDAR BRUNEI.—Sa-ramai 33 orang yang tidak mempunyai pekerjaan telah mendaftarkan nama2 mereka di-pejabat Pertukaran Buroh Brunei pada bulan September yang lalu.

Majikan2 yang berkehendak-kan pekerja2 tersebut di-minta mema-alumkan dengan sa-berapa segera kapada Pejabat2 Pertukaran Buroh di-Bandar Brunei atau Kuala Belait.

BANDAR BRUNEI.—Di-bawah cheraian (4) dalam rang Undang2 Kebangsaan sa-orang perempuan yang bukan ra'ayat Sultan yang telah berkahwin dengan sa-orang ra'ayat Sultan akan berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan dengan permohonan.

Berkenaan dengan lain2 perempuan yang bukan ra'ayat Sultan pula dia tidak berhak di-daftarkan melainkan dia:

(i) memuaskan hati Sultan bahawa dia berkelakuan baik, dan

(ii) telah mengangkat sumpah dalam borang yang tertera dalam jadual kapada undang2 Kebangsaan.

Sa-saorang perempuan yang bukan ra'ayat Sultan tidak akan berhak di-daftarkan :

Jika pada masa di-buat permohonan dia telah bercherai dengan sa-orang ra'ayat Sultan dan telah memperolehi taraf kera'ayatan suami yang baharu di-nikah-nya ia-itu kebangsaan atau kera'aya-tan mana2 negeri atau luar Ne-geri Brunei sa-lain dari kera'aya-tan United Kingdom dan Tanah Jajahan.

Majikan2 yang berkehendak-kan pekerja2 tersebut di-minta mema-alumkan dengan sa-berapa segera kapada Pejabat2 Pertukaran Buroh di-Bandar Brunei atau Kuala Belait.

D.Y.M.M. KURNIAKAN GELARAN2 BAHARU


BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia telah menggelar Awang Abdul Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Mohammed Ja'afar sa-bagai Pehin Khatib dalam satu istiadat menggelar yang di-langsungkan di-Surau Diraja di-sini pada 9 October.

Istiadat itu telah di-hadiri oleh Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, pengiran2 dan pehin2 yang tertentu.



Inche Jali

Pekarangan surau itu telah penoh sesak dengan pengiring2 Awang Abdul Hamid yang telah datang dari Kampong Peramu, kampong pehin baharu itu kera-



Haji Abu Bakar

na menyaksikan istiadat mengurniakan gelaran tersebut oleh Duli Yang Maha Mulia.

Mereka itu datang dalam satu rombongan bersama Awang Abdul Hamid yang telah sampai di-Surau Diraja tepat pada pukul 3.15 petang seperti yang dijadualkan.



Inche Lukan

Sa-baik sahaja Awang Abdul Hamid masok ka-dalam surau dengan pengapit2-nya membawa alat2 kebesaran gelaran itu, Duli Pengiran Bendahara pun ber-sabda kapada Pehin Orang Kaya Digadong supaya istiadat mengurniakan gelaran itu di-jalankan.

MENGADAP DYMM

Chiri gelaran telah di-bachakan oleh Mudim Haji Ismail sal-epas itu baharu-lah Pehin Khatib Awang Abdul Hamid mara ka-hadapan mengadap majlis Duli Yang Maha Mulia.

Istiadat itu telah mengambil masa lebuh kurang 10 minit sa-hingga pehin baharu itu dan pengapit2-nya menjunjong anugerah pulang pada pukul 3.30 petang.

Dalam pada itu satu pengumuman Jabatan Adat Istiadat ber-kata bahawa Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan gelaran menteri2 darat kepada lima orang ra'ayat ba-ginda.

Istiadat menggelar Tuan Haji Abu Bakar bin Jambol sa-bagai pengurat telah di-laksanakan di-Kampong Suran, Tuton oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Safar pada 12 October.

Pada 13 October pula Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Kamis telah berangkat ka-Kampong Danau, Tutong un-tuk menjalankan istiadat menggelar Inche Jali bin Ibrahim sa-bagai Orang Kaya Pekerma In-dera.

LAIN2 GELARAN

Gelaran Orang Kaya Pekerma Dewa telah di-kurniakan kepada Inche Lukian bin Uking. Istiadat menggelar telah di-laksana-kan oleh Pengiran Anak Safar di-Kampong Ukong pada 17 October.

Gelaran Orang Kaya Setia


Kelahiran atas kapal

BANDAR BRUNEI — Kelahiran di atas sa-buah kapal yang di-daftarkan dalam negeri akan di-anggap sa-bagai kelahiran di-dalam negeri.

Sa-orang yang di-lahirkan di atas sa-buah kapal asing tidak akan di-anggap telah di-lahirkan di-dalam negeri dari kerana kapal itu berada dalam perayaran iajahan negeri pada masa di-la-hirkan.

Utama kapada Inche Bashah bin Orang Kaya Jait akan di-rasmikan esok oleh Pengiran Anak Kamis di-Kampong Lubok Pulau.

Pada 22 October Yang Amat



Haji Ghafar



Inche Bashah

Mulia Pengiran Kerma Indera telah di-titahkan berangkat ka-Kampong Tanjong Maya untuk menjalankan istiadat menggelar penghulu Haji Abdul Ghafar bin Sidi sa-bagai Bendahari.



Pemandangan di-istiadat menggelar Inche Abdul Hamid bin Pehin Setia Pahlawan sa-bagai Pehin Khatib di-Suara Di-raja.

PENUNTUT2 MLGM BRUNEI KA — MALAYA

BANDAR BRUNEI — Dua puloh orang penuntut tahun ketiga dari Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei di-Berakas telah berlepas dengan kapal ka-Labuan pagi Ithnin lepas dalam pelayaran ka-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu kerana me-lawat.

Belayar bersama penuntut2 itu ia-lah pengetua maktab, Tuan James Pearce yang telah mengurus dan mengatorkan lawatan.

Dalam satu kenyataan Tuan Pearce berkata bahawa lawatan ka-Malaya itu ia-lah untuk me-luaskan pemandangan penuntut2 dan akan memakan masa kira2 dua minggu lama-nya.

"Sudah menjadi kebiasaan Maktab Latehan Guru2 meng-hantar penuntut2 tahun ketiga melawat ka-Malaya dan Singapura sa-bagai satu proses dalam latehan sa-belum mereka meninggalkan maktab mengajar di-sekolah2," kata Tuan Pearce.

Mengikut jadual yang telah di-ranchangkan penuntut2 itu akan sampai di-Singapura pada 21 October dan akan balek ka-Brunei pada 1 November.

Mereka akan menaiki kereta api dari Singapura ka-Kuala Lumpur dan dari Kuala Lumpur akan menaiki bas untuk melawat bandar2 yang penting di-Perse-kuatan.

Antara tempat2 yang akan di-kunjungi oleh penuntut2 itu ia-lah:

Maktab Bahasa, Kuala Lum-pur; Sultan Idris Training Col-lege, Tanjung Malim; Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh; Maktab Latehan Guru2, Pulau Pinang.

Sa-lama di-Singapura mereka akan mengunjungi kolam ikan, asrama Brunei, dan musium.

Pusat penyiasatan hal ahwal beranak dan mati

BANDAR BRUNEI. — Satu pusat penyiasatan hal ahwal beranak dan mati (Badis dalam bahasa Inggeris) telah di-uruskan disini supaya kematian yang siasia antara kanak2 di-negeri ini dapat di-kurangkan kelak.

Pusat ini telah di-tubohkan sebagai satu bahagian dari gerakan "Kinabalu" yang telah di-lancharkan baharu2 ini oleh Pejabat Perubatan dalam usaha-nya hendak mengurangkan kematian kanak2.

Menurut ranchangan Badis, kaki tangan pejabat kesihatan akan memberi perhatian yang rapi kepada kanak2 yang di-lahirkan di-seluruh negeri.

Perhatian itu akan berjalan sa-

PEGAWAI AKHBAR SARAWAK MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tuan Ivor Kraal, Pegawai Akhbar dari Negeri Sarawak telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama dua hari baharu2 ini.

Beliau telah mengadakan pertemuan dengan Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim, Idris bin Ahmad Shah, pegawai2 Sharikat Minyak Brunei Shell dan lain2-nya.

Tuan Kraal juga telah melawat beberapa tempat di-negeri ini, antara-nya ia-lah ka-kampung Ayer, Mesjid Omar Ali Saifuddin, tempat membuat barang perak dan kawasan padang minyak di-Seria.

Berlateh di-Sekolah pendidekan Jasmani, Malaya

SERIA — Tuan Vivian Rasiah dan Tuan Thomas Chen Yen perkerja2 sharikat minyak Brunei Shell telah berangkat ka-Malaya baharu2 ini.

Mereka telah di-pileh oleh sharikat minyak itu untuk berlateh di-Sekolah Pendidekan Jasmani di-Lumut, Perak.

Tuan Vivian Rasiah berumor 21 tahun bekerja di-Jabatan Proses sharikat minyak Brunei Shell.

Tuan Thomas Chen Yen, berumor 24 tahun bekerja di-Bahan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan2 Jurutera Sharikat minyak tersebut.

Mereka akan berlateh di-Sekolah Pendidekan Jasmani tersebut sa-lama 25 hari.

Dalam masa itu Tuan Vivian Rasiah dan Tuan Thomas Chen akan menpelajarj berbagai2 perkara mengenai pendidekan jasmani.

jauhkan kematian kanak2 yang lain.

Untuk memberi kuasa pada pusat penyiasatan tersebut, langkah2 yang sesuai akan di-ambil supaya dapat di-pinda untuk sementara waktu undang2 Beranak dan Mati.

RANCHANGAN BADIS

Mengikut ranchangan Badis ibu2 yang mengandong dan bahu bersalin akan juga mendapat perhatian yang rapi daripada kaki tangan pejabat kesihatan,

Menghadiri istiadat menyampaikan ijazah College Islam

BANDAR BRUNEI. — Yang pat di-Malaya dan Singapura sa-lama sa-bulan.



Pengiran Shahbandar

SETIA USAHA SULIT PESUROH JAYA TINGGI

BANDAR BRUNEI — Tuan W.J. Parks sa-orang bekas pegawai kanan pulis di-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Brunei baharu2 ini.

Beliau akan memegang jawatan yang baharu sa-bagi Setia Usaha Sulit dan juruiring kapada Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei Tuan D.C. White.

Tuan Parks berumor 60 tahun di-lahirkan di-England dan telah berkhidmat dengan pasukan pulis semenjak tahun 1928.

Beliau telah memegang ber-

bagai2 jawatan dalam pasukan pulis antara-nya ialah sa-bagi Chief Police Officer, Johore dan Ketua Sekolah Latehan Pulis di-Singapura.

Dalam masa peperangan dunia yang kedua beliau telah di-tahan di-Singapura sa-bagi orang tawanan peperangan.

WABAK TAUN TIDAK HARUS DI-BIMBANGKAN

BANDAR BRUNEI. — Wabak taun yang di-beritakan berlaku di-daerah Gorontolo, di-Sulawesi, Indonesia, negeri tetangga Brunei tidak harus di-bimbangkan di-Brunei, kata Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff.

Dr. Abdul Wahab berkata bahwa jenis taun yang telah menyebabkan 60 orang telah mati di-Indonesia itu ia-lah jenis Enteritis choleraformis el tor.

ISTILAH PENYAKIT2

Jenis ini tidak termasuk dalam istilah penyakit2 yang dikurantina mengikut fasal 1 dalam Peraturan2 Kebersehan Internasional.

"Yang demikian pehak kesihatan Brunei tidak akan mengumumkan kawasan Gorontolo itu sa-bagi satu kawasan yang diserang oleh penyakit taun," kata Dr. Wahab.

SUMPAH TAAT SETIA

BANDAR BRUNEI. — Saorang yang menjadi ra'ayat Sultan dengan jalan pendaftaran akan di-kehendaki mengangkat sumpah ta'at setia.

Sumpah itu berbunyi :

*Saya
dari
dengan ini
membuat satu sumpah bahawa
saya tidak akan menjalankan hak2,
kuasa2 dan kelebihan2 yang mana saya berhak oleh sebab sebarang kebangsaan atau
kerayaan, selain dari hak2,
kuasa2 dan kelebihan2 bagi saorang
ra'ayat United Kingdom dan Tanah2 Jajahan, dan bahawa
saya dengan benar dan sungguh
menyerah dan membuang semua ketatahan kepada sebarang
negeri atau raja selain dari ketatahan kepada Duli Baginda Queen,
dan saya
bersumpah bahawa saya akan sebenarnya ta'at dan setia terhadap
Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Pengantinya,
menurut undang2.*

LISEN2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai yang berhajat akan mengambil lisen2 baharu bagi berbagai2 perusahaan dan untuk kedai gunting yang di-keluarkan oleh Pejabat Bandaran, Brunei ada-lah di-kehendaki menghantar surat2 permohonan dengan segera kepada Setia Usaha Lembaga Bandaran, di-Pejabat Bandaran, Brunei.

Permohonan itu ada-lah di-kehendaki sampai di-pejabat tersebut tidak lewat dari hari Khamis 27 October, 1960.

KEMALANGAN DI-SUNGAI LIANG

SERIA — Inche Abdul Latif bin Mohamed, sa-orang wartawan Radio Brunei telah mendarat sadikit luka di-kepala-nya dalam satu kemalangan di-Sungai Liang.

Kemalangan itu berlaku pada hari Rabu yang lalu pada masa Inche Latif sedang memandu kereta-nya dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei.

Kereta yang di-pandu oleh Inche Latif telah tergelinchir di-jalan raya itu dan tidak dapat di-pandu lagi.

Melawat ka-padang minyak

SERIA — Beberapa orang penuntut Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah melawat ka-Seria baharu2 ini.

Pada masa itu, mereka telah melawat ka-beberapa tempat di-kawasan padang minyak, antara-nya mereka telah menyaksikan Pameran Perusahaan Minyak.

PERTANDINGAN SUKAN KEJOHANAN MALAYA

Brunei menang pingat perak dan gangsa

BANDAR BRUNEI — Rombongan sukan yang kecil dari Negeri Brunei telah memenangi beberapa hadiah di-temasha pertandingan sukan terbuka kejohanan Malaya di-stadium Bandar Raya Pulau Pinang pada awal bulan ini.

Gabenor Pulau Pinang, Raja Tun Uda bin Raja Muhammad telah membuka temasha sukan itu yang di-saksikan oleh berbilang orang.

Lebih daripada sa-ratus orang ahli2 sukan yang terkenal dari Malaya, Singapura, Borneo Utara dan Ceylon telah mengambil bahagian di-temasha itu.

Rombongan Brunei yang kecil itu, terdiri dari K.C. Mathews, Zunaidi Hamdan dan George Chong.

Mereka telah berjaya memenangi sa-buah pingat perak dan sa-buah pingat gangsa.

K.C. Mathews, ketua rombongan dari Negeri Brunei telah mendapat tempat yang ketiga dalam perlumbaan lari bergantian 400 meter.

Mathews telah membuat satu rekod yang bersejarah dalam perlumbaan lari suku batu di-temasha sukan kejohanan seluruh kawasan Borneo British pada pertengahan bulan July tahun ini di-Jesselton.

George Chong, sa-orang bintang sukan dari Brunei telah menjadi naib johan dalam pertandingan lompat bergalang.

Sa-orang lagi bintang pujaan

PERTANDINGAN TINJU DI - S.O.A.S. COLLEGE

BANDAR BRUNEI — Pertandingan tinju antara pemuda2 dalam Negeri Brunei akan dilangsangkan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada 22 dan 23 October ini.

Pertandingan pemilihan akan di-adakan pada 22 October mulai pukul 6 petang.

Ahli2 tinju yang berjaya dalam pertandingan pemilihan itu akan di-pileh masok bertanding dalam pertandingan sa-tengah akhir pada 23 October mulai pukul 8 malam.

Sa-telah selesai pertandingan sa-tengah akhir akan di-adakan pertandingan akhir pada malam itu juga di-dewan tersebut.

Pemuda2 yang akan di-terima masok pertandingan itu hendaklah berumur antara 12 dan 19 tahun.

Pepercayaan doktor akan di-adakan pada 21 October di-rumah sakit besar bagi petanding2 dari kawasan Bandar Brunei.

di-gelanggang sukan Negeri Brunei, Zunaidi Hamdan telah di-pileh mewakili Borneo Utara dalam perlumbaan lari bergantian 400 meter.

Pasokan itu telah mendapat tempat yang ketiga dalam perlumbaan tersebut.

Zunaidi yang telah juga masok bertanding dalam lompat

jauh telah mendapat yang keempat.

Sa-telah selesai pertandingan sukan seluruh kawasan Borneo British tidak berapa lama dahulu, lima orang ahli2 sukan yang terkenal telah di-pileh mewakili Negeri Brunei dalam temasha sukan terbuka kejohanan Malaya di-Pulau Pinang baru2 ini.

Mereka ia-lah K. C. Mathews, Zunaidi Hamdan, George Chong, Sinin Metali dan Puan Irene Sibidol.

Oleh kerana beberapa sebab yang telah tidak dapat di-elakkan, Sinin Metali dan Puan Irene Sibidol telah tidak dapat berangkat ka-Pulau Pinang untuk mengambil bahagian di-temasha tersebut.

BASKETBALL: KUALA BELAIT MENGALAHKAN BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Kuala Belait telah mengalahkan Bandar Brunei dengan 51 mata berbalas 45 mata dalam pertandingan akhir basketball bahagian laki2 Negeri Brunei baru2 ini.

Pertandingan itu telah dilangsangkan di-kawasan sukan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 China Bandar Brunei dan di-saksikan oleh ramai penggemar2 permianan basketball.

Pemain2 dari kedua pasukan tersebut telah bermain dengan chergas semenjak saat yang awal dan pada akhir pertengahan yang pertama, Bandar Brunei mendapat 22 mata manakala Kuala Belait mendapat 16 mata.

Meskipun Kuala Belait telah kalah masa pertengahan yang pertama itu, tetapi oleh kerana ketabahan hati pemain2 pasukan Kuala Belait mereka telah berhasil mengalahkan Bandar Brunei sa-bagai mana tersebut.

Pasokan wanita dari Bandar Brunei telah menang dalam pertandingan terbuka kapada paso-


kan2 wanita seluruh negeri ini dengan tidak payah bertanding kerana tidak ada pasokan basketball bahagian wanita dari lain2 daerah yang masok bertanding.

Hadiyah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam temasha tersebut telah di-sampaikan oleh Tuan Yapp Chong Teik, Penasihat, Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 China Bandar Brunei.

Pulis Brunei ka-Jesselton

BANDAR BRUNEI — Dua puluh orang anggota2 Pasukan Pulis dari Bandar Brunei di-keputus oleh Tuan Stephen Liew, A.S.P., telah berangkat ka-Jesselton pada minggu lepas.

Mereka telah mengadakan perlawanan2 dengan pulis Jesselton.



Pasokan2 yang menang dalam pertandingan akhir basket ball untuk merebut gelaran johan bagi seluruh Negeri Brunei baru2 ini.

Pasokan Kuala Belait yang menjadi johan bahagian laki2 kelihatan berdiri dalam gambar ini, manakala wanita2 yang duduk ia-lah dari Bandar Brunei yang telah menang dengan tidak payah bertanding dalam pertandingan basket ball antara pasokan2 wanita dalam negeri ini.

S.O.A.S. COLLEGE DAN BRUNEI SPORTS CLUB SAMA-SAMA MENANG

BANDAR BRUNEI — Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei dan Brunei Sports Club telah bersama2 menjadi johan dalam pertandingan akhir hokey untuk merebutkan Piala Perak Gwyn Robert.

Pertandingan itu di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada petang hari Jumaat 7 October.

Kedua2 pasokan telah seri dengan mendapat 2 gol sa-pasokan.

Tuan A. N. Outram dan Tuan Paul Carson telah mengadilkan pertandingan itu.

Tuan D. C. White, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei telah menyampaikan Piala Perak Gwyn Robert itu kapada pasokan2 tersebut.

KEPUTUSAN HOKEY DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Sultan Omar Ali Saifuddin College telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan hokey bahagian yang pertama antara pasokan2 di-Bandar Brunei tidak berapa lama dahulu.

Gelaran johan bahagian kedua dalam pertandingan hokey itu dimenangi oleh Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Hadiyah piala2 perak untuk kedua2 pasokan tersebut telah disampaikan oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Tuan D.C. White sa-lepas pertandingan akhir hokey untuk merebutkan Piala Perak Gwyn Robert bahru2 ini.

PELATEH SUKAN DARI AMERIKA

SERIA — Tuan A. M. Traill, sa-orang pelateh sukan yang terkenal di-Amerika Sharikat telah tiba di-sini baru2 ini bersama isterinya.

Tuan Traill sedang berkhemmat dengan Sharikat Minyak Shell.

Pada masa ini beliau sibok membuat persiapan2 untuk melatih peserta2 sukan di-Negeri Brunei.

NEHRU PERCHAYA ADA PERASAAN MARAH — RUSSIA DAN AMERIKA

KAHIRAH — Perdana Menteri India, Tuan Nehru, memberi tahu wartawan2 di-sini pada minggu lepas bahawa beliau perchaya yang perasaan marah dan benci ada di-antara Russia dan Amerika Sharikat

Tuan Nehru ada-lah di-dalam perjalanan-nya kembali ka-India sa-lepas menghadhiri persidangan agong Bangsa2 Bersatu di-New York.

Presiden Nasser dari Republik Arab Bersatu dan ahli2 kerajaan-nya telah pergi ka-lapangan terbang untuk menemui Tuan Nehru. Kedua2 orang ketua negara itu telah berbinchang sa-chara bersendirian sa-lama le-beh dari sa-jam.

Sabelum itu sa-masa di-London Tuan Nehru berkata bahawa beliau tidak merasa shak bahawa undi menentang kemaskokan China Komunis ka-Bangsa2 Bersatu itu ada-lah kali yang penghabisan.

MENYEBELAHI KOMUNIS

Beliau menambah kata bahawa apabila perkara ini di-bawa ka-persidangan itu pada tahun hadapan, maka keputusan-nya akan menyebelahi kapada pehak China Komunis.

Sementara itu Perdana Menteri Russia, Tuan Nikita Khrushchev berkata bahawa beliau bersedia untuk menghadhiri persidangan kemunchak yang baru dengan Presiden Amerika Sharikat yang baharu dalam tahun hadapan.

Dalam satu pertemuan television di-New York yang memakan masa sa-lama dua jam, Perdana Menteri Soviet itu telah berulang2 kali menegaskan akan keinginan-nya untuk mencapai

MESJID MENAREK PERHATIAN

(Dari muka 4)

yang mengalir umbak yang mengehampas ka-tepi pantai bagaimana perasaan h a t i tuan?

"Semua-nya ini ada-lah dapat di-nikmati oleh mata dan telinga orang2 yang berperasaan halus."

Kesimpulan-nya, Tuan Hamka berkata, "Alam yang luas dengan segala keadaan dan keindahan-nya itu ada-lah Tuhan yang menjadikan-nya. Maha suci Tuhan yang maha kuasa."

Dalam menchari yang suchi, beliau menjelaskan bahawa bila tiga perkara itu yang sudah di-nyatakan beliau itu dapat di-peroleh maka dengan sendirinya keempat2 itu akan kita peroleh."

Lebih kurang sa-lama sa-minggu di-Brunei yang berakhir pada 9 October lepas Tuan

keamanan dan perhubungan baik dengan Amerika Sharikat.

Apabila di-tanya patut-kah sidang kemunchak jangan di-

adakan sa-chara penoh di-pe-rengkat diplomatik, Tuan Khrushchev berkata bahawa Russia telah bersedia untuk mengambil tindakan2 yang bertanggong jawab yang akan membawa kepada memperkokoh lagi keamanan dan perhubungan2 persahabatan yang lebeh rapat lagi. **KEAMANAN**

Tuan Khrushchev berkata bahawa Russia tidak bermaksud hendak membuat sa-barang an-chaman yang berupa apa pun. Keinginan beliau ia-lah bahawa keamanan mesti-lah ujud di-dunia ini.

BEN GURION BERSEDIA MENEMUI NASSER

NEW YORK—Menteri Luar Israel, Puan Golda Mier, telah menchadangkan supaya Israel dan Negara2 Arab meluchutkan senjata2 mereka di-bawah pemereksaan dan pengelolaan yang di-persetujui bersama.

Tatkala beruchap di-Persidangan Agong Bangsa2 Bersatu beliau berkata bahawa baik Israel mahu pun jiran2-nya tidak berkuasa untuk bertanding dalam perlumbaan senjata.

Beliau berkata bahawa Perdana Menteri Israel, Tuan Ben Gurion, bersedia untuk menemui Presiden Nasser dari Republik Arab Bersatu di-mana2 tempat jua dengan serta merta dan tiada mempunyai sharat2 yang terlebih dahulu untuk membincangkan perkara ini.

Wakil Republik Arab Bersatu, Tuan Omard mensifatkan chadangan Puan Mier itu sa-bagai satu diayah.

Beliau berkata jika Israel mempunyai tujuan2 yang baik, ia patut melaksanakan shor2 mengenai Palestine yang menjadi pokok keadaan sekarang.

Beliau menambahkata bahawa perhubungan di-antara Republik Arab Bersatu dengan Israel te-

lah pun di-tetapkan oleh perjanjian pemberhentian tembak me-nembak yang berlangsung dalam bulan February 1949 yang tidak pun di-akui oleh Israel.

MALAYA MENENTANG PENA'LOKAN DAN PENJAJAHAN

NEW YORK—Ketua perwakilan Malaya di-Bangsa2 Bersatu, Dato Nik Ahmad Kamil, telah beruchap menentang penjajahan baru yang lebeh dahshat ia-itu faham komunis sa-dunia di-dalam perbahatan mengenai masalah2 dunia di-persidangan agong Bangsa2 Bersatu.

Dato Kamil berkata bahawa Malaya ada-lah dengan keras-nya menentang sa-barang rupa bentuk pena'lokkan dan penjajahan.

"Kita tentu merasa shukor melihat beberapa banyak negara baru bersama kita hari ini yang telah memerdekaan diri dari belanggu penjajahan."

Tetapi rantai penjajahan yang berkarat dan hampir putus itu

maseh membelanggu berjuta2 manusia di-satengah2 kawasan di-dalam dunia ini.

Beberapa juta lagi telah menjadi mangsa kapada satu bentuk penjajahan baharu yang lebeh dahshat ia-itu faham komunis sa-dunia.

Beliau telah beruchap mengenai penjajahan, Tibet, Afrika Selatan, faham perbezaan warna kulit, Congo, Algeria dan masalah ekonomi Malaya.

Beraleh kapada Tibet beliau berkata, "Kita maseh menyaksikan tindakan2 menekan orang2 Tibet atau sebab2 yang mudah sa-kali ia-itu orang2 Tibet itu chinta kapada ugama dan tidak ada niat dengki atau jahat kapada orang lain."

Berpaling kapada dasar perbezaan warna kulit Afrika Selatan wakil Malaya itu berkata: "Walau pun Bangsa2 Bersatu telah berturut2 kali memberi keputusan tetapi Afrika Selatan maseh lagi bertindak membezakan manusia dengan berdasarkan warna kulit."

HUJAN LEBAT DI-INDIA

NEW DELHI — Hampir 40 kematian telah di-beritakan berlaku di-Utara India pada minggu lepas akibat hujan lebat sa-lama sa-minggu di-sertai dengan banjir yang berharus deras.

Bandar Lucknow telah di-ancham oleh ayer yang sedang naik dari Sungai Gomti yang sudah pun melebihi sa-banyak dua kaki dari pada rekod tanda banjir yang deras.

Beberapa buah jajahan telah di-tinggalkan.

Lebih dari 100 buah rumah telah di-beritakan roboh dalam bandar tersebut.

Banjir juga telah berlaku di-lain2 kawasan dalam Jajahan Kanpur.

Lima ratus buah kampong dalam Jajahan Shahjanapur dan 400 lagi di-Jajahan Bareilly telah di-beritakan di-banjiri oleh ayer.

Hamka telah melawat padang minyak di-Seria, Maktab Perguruan Berakas, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer, Pertukangan Perak, Mesjid Omar Ali Saifuddin dan Makam2 Diraja Brunei dan lahan2.

Sa-be lum itu sa-bagai penghormatan-nya terawal, Tuan Hamka telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana menyatakan betapa riang gembira-nya dapat melawat Brunei sa-buah negara yang sama sejarah-nya dengan Indonesia yang berasal dari rumpun yang satu itu.

Sebab2 yang menarek perhatian-nya supaya berkunjung ka-Brunei ia-lah kerana terpanjang keindahan Masjid Omar Ali Saifuddin yang chantek di-Tenggara Asia dan usaha Sultan Brunei memajukan ugama di-daerah Seria dan Kuala Belait.

Mereka ada-lah mengandungi sa-orang sarjan, dua orang koral dan tujuh orang mata2.

Anggota2 pulis yang baharu itu pada masa ini berkhidmat

di-daerah Seria dan Kuala Belait.

Published by the Government of Brunei Information Service and printed at The Brunei Press Limited, Kuala Belait.